

ZPP, BIMB bantu usahawan asnaf

MoU yang dimeterai membolehkan usahawan terpilih mohon pembiayaan untuk bangunkan perniagaan

BUKIT MERTAJAM

Zakat Pulau Pinang (ZPP) menjalinkan kerjasama dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) bagi memperkasakan aktiviti keusahawanan dalam kalangan asnaf di negeri ini.

Matlamat itu dizahirkan melalui memorandum persefahaman (MoU) bagi pelaksanaan Inisiatif Pembiayaan Mikro i-TEKAD, Pembiayaan Mikro BangKIT dan Geran Perniagaan BanKIT (BBG) bagi tujuan pembangungan usahawan mikro yang belum layak mendapat kemudahan pembiayaan perbankan.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,

Datuk Roslan Ahmad berkata, Mikro i-TEKAD Bank Islam Malaysia Berhad merupakan salah satu program di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bagi membantu usahawan mikro khususnya dalam kalangan B40 dan asnaf.

Menurutnya, melalui program itu ia bukan sahaja dapat membantu menjana pendapatan mampan bagi mereka malah menjadi daya tahan kewangan perusahaan mikro.

“Program Pembiayaan Mikro i-TEKAD yang dimeterai melalui Memorandum Persefahaman ini merupakan inisiatif kewangan sosial yang bertujuan khusus menyokong dan memudahkan pembiayaan bagi usahawan mikro asnaf dan B40 yang kehilangan pendapatan akibat wabak Covid-19.

“Program ini menggunakan sumbangan kewangan sosial (seperti zakat, wakaf dan sedekah) bagi penyediaan modal permulaan yang digabungkan dengan pembiayaan mikro berpatutan untuk pemohon yang layak,” katanya ketika berucap pada majlis menandatangani MoU antara ZPP dan BIMB di sini.

Dokumen persefahaman itu dimeterai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) ZPP, Mohamad Kairi Ghazali



Roslan (tengah) menyaksikan pertukaran MoU antara Mohamad Kairi (kiri) dan Mohd Nazri (kanan) dalam majlis yang diadakan di Ibu Pejabat ZPP pada Jumaat.

manakala BIMB diwakili Ketua Pegawai Rangkuman Kewangan Kumpulan, Mohd Nazri Chik dalam majlis yang diadakan di Ibu Pejabat ZPP di Bandar Perda, pada Jumaat.

Selaras dengan Program Pemerkaasan Asnaf ZPP yang dilaksanakan tahun ini, Roslan berharap MoU yang dimeterai membolehkan usahawan terpilih dapat memohon pembiayaan untuk membangunkan perniagaan mereka dengan pembiayaan yang patuh syariah.

Jelasnya, pelaksanaan ini merupakan

pelan jangka panjang bagi merealisasikan agenda pembasmian kemiskinan. “Saya berharap skop kerjasama ini bakal memberi impak yang positif dalam membantu usahawan mengubah perubahan subsosio ekonomi yang lebih proaktif dan positif.

“Menjadi harapan kami, MoU ini akan menjadi batu loncatan serta penanda permulaan usahasama yang akan membuahkan hasil sekali gus memberi manfaat kepada masyarakat Islam di Pulau Pinang,” katanya.